

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

BIL	KLUSTER	JUMLAH PEMBAHAS
1.	<u>KESIHATAN</u> A. (COVID-19) - Pengurusan Vaksinasi Dan Saringan COVID-19 Dengan Kerjasama KKM Melalui Klinik-Klinik Swasta Selangor - <i>Mass Vaccination</i> (Warga Emas, OKU, Penjawat Awam) - Mini PPV - Kemudahan Mobilisasi ke PPV (Bas Smart Selangor) - Perbanyakkan Sukarelawan Di PPV - Sanitasi Awam - <i>Outreach Programme (Home To Home)</i> - Penginapan Pekerja Asing Yang Mengikut SOP - Pemberian Kit COVID-19 Secara Percuma - <i>Digital frontliners</i> yang fasih pelbagai bahasa	22
	B. UMUM - Pengurusan Tahap Kesihatan Rakyat - <i>Mental Health</i> - Keganasan Rumah Tangga (Wanita & Kanak-Kanak) - Bantuan Dana Kepada NGO	11
2.	<u>EKONOMI</u> - Pengurusan Ekonomi/ Kewangan - Program E-Wages Oleh Kerajaan Persekutuan (Memantau Pembayaran Gaji Oleh Majikan) - Perluasan Penggunaan Peruntukan ADN - <i>Global Trade Industry</i> Di Tanah-Tanah Milik Kerajaan Negeri (Peluang Pekerjaan Di Kawasan Pelabuhan) - Pengurusan Belanjawan Yang Seimbang Diteruskan	19

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

BIL	KLUSTER	JUMLAH PEMBAHAS
	- <i>Central Labour Force</i> - Digitalisasi Urusan Kerajaan Ditingkatkan - Perluasan Peruntukan ADN Kepada Wakil Parti Bebas Dan Pembangkang - Pelan Jangka Panjang Berkaitan Peluang Pekerjaan - Melihat Semula Peruntukan Projek Pembangunan Yang Berimpak Tinggi Ketika Pandemik - Pelaksanaan Platform Berniaga Secara Atas Talian (Shopee/ Lazada) - Mengadakan Perbincangan Bersama Kementerian Kewangan Malaysia Berhubung Perluasan Pemberian Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri - Cadangan untuk membenarkan penjaja berniaga selepas mendapat dua dos vaksin	
3.	<u>INFRASTRUKTUR</u> - Pengurusan & Perancangan Infrastruktur/ Pembangunan - Menaiktaraf Jaringan Jalur Lebar - Memperbanyakkan WIFI Smart Selangor Di Kawasan Pedalaman - Membaikpulih Jalan-Jalan Persekutuan Dan Negeri Yang Krtitikal Dengan Menggunakan Peruntukan MARRIS - Projek Bekalan Air - Pembinaan Projek Tebatan Banjir Di Kawasan-Kawasan Kerap Banjir - Bantuan Pemasangan CCTV - Masalah Pengurusan Sisa Pepejal Domestik - <i>Pre Com Plan</i> Di PBT Dan PDT Diselesaikan segera - Perumahan Kos Rendah Untuk Disewakan (PPR) - Penyediaan Pangkalan Data Maklumat Rakyat Yang Terjejas - Pembinaan Industri Revolusi Tinggi 4.0 - Mengurangkan birokrasi pengambilan tanah - Menyegerakan projek Masjid Bandar Tasik Kesuma	36
4.	<u>PENDIDIKAN</u>	10

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER



BIL	KLUSTER	JUMLAH PEMBAHAS
	- Pengurusan Kelangsungan Program Pembelajaran - Pemberian Geran Kepada Sekolah-Sekolah Untuk Pembelian Peralatan Pembelajaran PDPR (Tablet/ Laptop/ Smart Phone/buku-buku) - Pemberian Bantuan Tablet/ Laptop Kepada Pelajar-Pelajar B40 - Kerjasama dengan syarikat swasta (Green IT Tech) untuk membekalkan <i>refurbish</i> laptop kepada golongan B40 kerana menerima permohonan yang banyak - Mewujudkan Portal/ TV Pendidikan Selangor - Pemerkasaan TVET	
5.	<u>PERTANIAN</u> - Meningkatkan Keupayaan Petani Dan Nelayan - <i>Agriculture Safety Price</i> - Bantuan Baja/ Racun Serangga Perosak (Masalah Ulat Batang) - Menyediakan kawasan penternakan lembu yang terurus di Hulu Langat - <i>Food Synergy</i>- menggalakkan <i>urban farming</i> di kalangan komuniti yang boleh membekalkan sumber makanan sihat dan membuat program atas talian bagi berkongsi ilmu <i>urban farming</i> dan promosi - Kerajaan Negeri menampung subsidi sebagai insentif kepada petani secara one off (contohnya RM50.00)	7
6.	<u>ALAM SEKITAR</u> - Pengurusan Alam Sekitar - Pusat Perubahan Iklim Selangor - <i>Air Quality Index Monitoring (membantu petani/ penternak, bersiap sedia untuk sebarang bencana seperti banjir dan ribut)</i> - <i>Green Energy, Solar, Bio Mass, Bio Gas</i> - <i>Low Carbon City</i> (Pemasangan Peralatan Solar Di Bangunan Kerajaan) - Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Hutan Simpan	8

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER


BIL	KLUSTER	JUMLAH PEMBAHAS
	- Mengguna semula sisa pepejal sebagai baja <i>compose</i> dan mengelakkan bencana banjir kilat	
7.	<u>FISKAL</u> - Pengurusan Pembayaran Cukai yang lebih efisien - Pelepasan Bayaran Cukai Taksiran Dan Cukai Tanah - Pemotongan Cukai Industri Terkesan (Cukai Hiburan/ Cukai Pelancongan)	6
8.	<u>BANTUAN RAKYAT DAN SOSIAL (SOCIAL SAFETY NET)</u> - Meringankan Bebanan Rakyat - Dana Sewa/ <i>Safety Net</i> Kepada Peniaga Kecil - Lesen Sementara Bagi Penjaja Kecil - Bakul Makanan - Pemberian Pengecualian/ Pengurangan Kadar Sewa - Kebenaran Berniaga Bagi Pasar Malam/ Pasar Pagi - Bantuan <i>One Off</i> Pengusaha Kantin/ Pemandu Bas Sekolah/ Guru-Guru Taska/ Pengusaha Taska - Moratorium Kepada Peserta HIJRAH - Bantuan <i>One Off</i> Kepada OKU (18 Tahun ke bawah) - Mewujudkan Pusat Aduan Rakyat Di Pusat Khidmat Masyarakat ADUN - Dana Khas Untuk Perkara Luar Jangka - Bantuan Bencana Alam (Banjir/ Ribut) - Memperbanyakkan peluang pekerjaan secara kontrak untuk rakyat Selangor - Mewujudkan Peluang Pekerjaan Kepada Ibu Tunggal/ Hilang Pekerjaan - Bantuan Kepada JMB Pangsapuri Kos Rendah - Pemasalahan Sosial Melibatkan Pekerja Asing - Menggerakkan Ahli-Ahli Agamawan Untuk Program Kaunseling	37

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

JUMLAH PEMBAHASAN MENGIKUT KLUSTER



RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER



RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
1.	- Mempercepatkan sasaran 2 dos vaksin di peringkat DUN (fokus komuniti berisiko tinggi dan kawasan penduduk padat) - aktiviti keagamaan di rumah-rumah ibadat terus berjalan menepati SOP dan diberikan dan diberikan keutamaan dua dos vaksin.	YB Hulu Kelang
2.	- Sanitasi awam, ujian saringan atau pendaftaran vaksinasi fokus sektor perkilangan dan pembuatan, lebih bersasar dan fokus, kawasan perindustrian. - Van dan Bas Selangorku, di setiap PBT boleh untuk digunakan bagi mempercepatkan pemberian vaksin di Kawasan pedalaman Selangor. Aset di GLC dan PBT digunakan sebagai pusat vaksinasi. - Dicapadangkan agar guru diberi suntikan vaksinasi bagi tujuan pembukaan semula sektor pendidikan.	YB Banting
3.	- Program Vaksin Selangor diperluaskan ke setiap DUN, Selgate boleh membekalkan kit yang lebih murah RM20.00 dan boleh dijual kepada rakyat dan boleh uji sendiri di rumah. - Tambah pelaburan dalam sektor kesihatan dan boleh diperluaskan melalui GLC dan penglibatan pihak swasta contoh program pembangunan fasiliti kesihatan vaksin.	YB Bukit Lanjan

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
4.	- Pemberian vaksin percuma kepada rakyat dan syarikat industri. Fokus pemberian vaksin kepada ketua keluarga dan peniaga yang terdedah dengan penularan COVID-19. Mempercepatkan sasaran imuniti berkelompok dan meningkatkan kemampuan pemberian vaksin di daerah yang dijangkiti bagi menukar kawasan merah kepada hijau. - Pemantapan operasi bersepadu pemberian vaksin melalui pelan tindakan yang tersusun melibatkan semua agensi kerajaan (PBT, PDT, Penghulu, Ketua Kampung). - Memperkasakan Program Vaksinasi Selangor. Mohon menambah PPV di Sungai Air Tawar kerana penduduk perlu ke luar dari kawasan untuk vaksinasi.	YB Sungai Air Tawar
5.	- Program Vaksinasi di Peringkat Persekutuan menerusi <i>my sejahtera</i> adalah perlahan dan perlu dinilai semula terutama dari segi kaedah pendaftaran. Kerajaan Negeri menerusi setiap DUN perlu diletakkan pusat vaksinasi. - Vaksinasi COVID-19 kepada penjawat awam perlu dipercepatkan supaya mereka boleh ke pejabat dengan kadar kehadiran yang lebih tinggi. - Pusat Vaksin – Vaksinasi secara mobil. Pemberian vaksin rumah ke rumah untuk warga emas 60 tahun ke atas.	YB Kuang
6.	- Perlu wujud banyak PPV dan PPV bergerak di PBT, supaya jarak tidak terlalu jauh untuk menerima vaksin, JKN boleh bekerjasama dengan MOSTI untuk mempercepatkan pemberian vaksin tanpa perlu daftar <i>my sejahtera</i>.	YB Dusun Tua

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
7.	- Keseriusan Kerajaan Negeri terhadap program saringan dengan jumlah peruntukan yang besar. Program ini perlu diteruskan kesinambungannya dengan program vaksinasi.	YB Taman Medan
8.	- Tawarkan kelonggaran SOP kepada rakyat yang telah lengkap dos vaksin contohnya dibenarkan untuk solat jemaah di masjid untuk menarik lebih ramai penduduk mengambil vaksin.	YB Kota Anggerik
9.	- Belanjawan harus diletakkan pada polisi pemvaksinan, polisi bantuan, polisi pekerjaan, polisi ekonomi, kerana semua ini berkaitan dengan kelangsungan hidup para penduduk dan warga Selangor. - Wujudkan hubungan komunikasi yang lebih berkesan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan dan memudahkan temujanji pemberian vaksin.	YB Bandar Utama
10.	- Pemberian vaksin secara percuma kepada B40 dan M40. - Bagaimana Kerajaan Negeri dapat bantu untuk bawa pesakit COVID-19 yang positif untuk dibawa ke pusat kuarantin kerana kekangan ambulan KKM. - Membenarkan ADN membeli vaksin menggunakan peruntukan sedia ada kerana bilangan 100 vaksin tidak cukup untuk setiap ADUN.	YB Seri Kembangan
11.	- Program Peduli Sihat tidak efisien dalam penyampaian vaksin kerana pemohon perlu menunggu, beratur lama dan pelbagai lagi kesusahan yang mendatangkan keresahan rakyat untuk mendapatkan vaksin. Mohon Kerajaan Negeri menghubungkan sistem Kerajaan Negeri dengan sistem yang digunapakai oleh Kerajaan Persekutuan untuk memastikan sistem penyampaian vaksin di Selangor lebih berkesan dan efisien. Contoh:	YB Sungai Buloh (MP)

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
	pemberian vaksin kepada rakyat Selangor berdasarkan data Peduli Sihat untuk dapatkan senarai klinik sebagai PPV.	
12.	- Pemberian Vaksinasi difokuskan kepada warga emas dan OKU serta mewujudkan PPV secara <i>drive trough</i> khususnya untuk pekerja-pekerja industri.	YB Selat Klang
13.	- Pemberian vaksin untuk semua tanpa mengira fahaman politik. Segerakan pemberian vaksin di PPV. PPV baru 5/7 dibuka berbanding klinik-klinik kecil sebelum ini.	YB Sekinchan
14.	- Mewujudkan pusat kuarantin melalui Selgate untuk pesakit COVID-19.	YB Kuala Kubu Bharu
15.	- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama untuk sediakan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Selangor.	YB Tanjong Karang (MP)
16.	- Pemberian vaksin yang agak perlahan, PPV di perbanyakkan bersamaan dengan stok vaksin yang banyak. - Saringan agresif setiap hari merupakan jalan penyelesaian bagi membendung pandemik. - Adakan pusat kuarantin di Selangor. - Pemberian vaksin kepada staff Pejabat Dewan, MPKK, Komuniti diberi keutamaan utama memandangkan mereka merupakan frontliners yang selalu berhadapan dengan rakyat. - Mencadangkan pendaftaran dan pemberian vaksin di Klinik Kesihatan. - Mencadangkan vaksin untuk diswastakan bagi mereka yang mampu atau mempunyai kuasa membeli.	YB Batang Kali

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
17.	- 80% telah mendaftar vaksin di Selangor, 796 ribu sahaja yang telah divaksin baki 80% belum divaksin. Adakah bilangan PPV di negeri Selangor adakah mampu menjalankan proses vaksinasi. - Rawatan COVID-19 – Hospital Tanjung Karang dijadikan PPV.	YB Sungai Burong
18.	- Isu vaksinasi. Memberikan <i>rebate</i> pengangkutan untuk rakyat ke pusat vaksinasi dan memberikan fokus kepada pekerja industri.	YB Kuala Selangor (MP)
19.	- Memperkasakan Program Vaksinasi Selangor. Menambah PPV di semua kawasan DUN untuk meningkatkan <i>herd-immunity</i>.	YB Sungai Panjang
20.	- Mohon Pusat Pemberian Vaksin (PPV) diteruskan di Hulu Bernam walaupun PPV tersebut akan berpindah ke Serendah kerana penduduk warga emas sukar untuk pergi ke lokasi yang jauh.	YB Hulu Bernam
21.	- Bantuan Covid-19 – Pakej ini perlu dilebarkan kepada individu yang dikuarantin sebanyak RM500 untuk tempoh kuarantin. -	YB Semenyih
22.	- Usaha menangani Covid-19 – mencadangkan lebih banyak PPV bergerak dibuka bagi mencapai herd immunity. -	YB Lembah Jaya

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

B. PENGURUSAN TAHAP KESIHATAN RAKYAT		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
1.	- Usaha Kerajaan Negeri memberikan peruntukan khas untuk keganasan rumah tangga adalah usaha yang baik. Walau bagaimanapun, peruntukan ini perlu diperluaskan kepada NGO (sebanyak RM500,000.00) yang akan menguruskan aduan dan bantuan kepada mangsa keganasan rumah tangga tersebut. Tanpa peruntukan bantuan tidak dapat diberikan segera. - Kerajaan Negeri melihat semula ventilasi dan pembersihan penyaman udara di semua pejabat kerajaan dalam usaha pembendungan COVID-19 di tempat kerja.	YB Bukit Lanjan
2.	- Tahap kesihatan mental di Negeri Selangor amatlah membimbangkan dengan bilangan kes bunuh diri yang meningkat. Dicadangkan supaya diadakan online counselling kepada rakyat.	YB Sungai Air Tawar
3.	- Aplikasi yang memberi akses kepada orang awam berkaitan pengurusan stress yang dicadangkan daripada tahun 2019 masih lagi belum dibangunkan sehingga kini. 275,000 orang telah memohon bantuan untuk kesihatan mental bagi tahun 2021. Tahun 2021 merekodkan empat kali ganda kes daripada tahun sebelumnya. Adalah diharapkan supaya aplikasi ini dapat dibangunkan dgn segera.	YB Subang Jaya
4.	- Masalah kesihatan mental dan kes bunuh diri meningkat. JKM tidak cukup kakitangan. Mencadangkan <i>hotline</i> Kesihatan Mental.	YB Kampung Tunku
5.	- Keganasan rumah tangga terhadap wanita dan kanak-kanak. Mencadangkan untuk mengukuhkan JKM dengan menambah kakitangan dan adakan lebih banyak perkhidmatan kaunseling kepada mangsa. Kaji satu polisi untuk mengatasi masalah ini dengan kerjasama NGO.	YB Petaling Jaya (MP)

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

B. PENGURUSAN TAHAP KESIHATAN RAKYAT		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
6.	- Mewujudkan inisiatif dan program khas menangani masalah kesihatan mental. Kes tekanan emosi dan bunuh diri telah meningkat sepanjang PKP. Kerajaan Negeri perlu wujudkan peruntukan khas dalam belanjawan akan datang untuk program <i>call centre</i> untuk terapi atau kaunseling dalam talian dan program ziarah jiran tetangga.	YB Bukit Melawati
7.	- Mengembleng semua sumber tenaga Jabatan Kerajaan dan pihak NGO (<i>all of society approach</i>) untuk membantu isu kesihatan mental seperti Befrienders.	YB Kuala Selangor (MP)
8.	- Peruntukan kesihatan mental - Status pembangunan aplikasi apps <i>self diagnose</i> kesihatan mental yang dirancang. Kerajaan Negeri dan Malaysia Health Associations (MHA) bekerjasama untuk memberikan rawatan dengan memberikan subsidi kepada rakyat untuk mendapatkan rawatan psikologi.	YB Dusun Tua
9.	- Kesihatan mental - Skim peduli sihat diperluaskan untuk digunakan bagi saringan COVID-19 dan mengatasi isu kesihatan mental.	YB Rawang
10.	- Peranan institusi agama dalam menangani isu kesihatan mental.	YB Taman Templer
11.	- Peranan institusi agama dalam mengatasi masalah kesihatan mental.	YB Lembah Jaya

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

C. PENGURUSAN EKONOMI/ KEWANGAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
1.	- Menggunakan sumber negeri secara efisien dan sifat pembaziran. - Mewujudkan tabung simpanan bagi menghadapi pandemik yang mungkin berpanjangan.	YB Hulu Kelang
2.	- Dicapai agar sesetengah program tidak perlu kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor. PDT dan PBT boleh mempunyai kuasa melulus melibatkan bantuan kepada rakyat.	YB Banting
3.	- Kerajaan Negeri perlu melihat semula peruntukan ADUN sedia ada dan 30% dimansuhkan dan diberikan direct grant serta merta supaya bantuan dapat disalurkan kepada rakyat dengan lebih efektif. - Wakil Bebas dan Pembangkang perlu diberikan peruntukan yang seimbang dan dapat memperluaskan bantuan kepada rakyat yang memerlukan bantuan segera di kawasan mereka. - Tambah pelaburan dalam sektor kesihatan dan boleh diperluaskan melalui GLC dan penglibatan pihak swasta contoh program pembangunan fasiliti kesihatan vaksin. - Menilai semula program/ projek yang memberikan manfaat atau hasil kepada rakyat kerana terdapat projek yang tidak memberikan nilai yang menyakinkan contohnya projek agrofarming yang tidak Berjaya tetapi masih diberikan peruntukan.	YB Bukit Lanjan
4.	- Penyaluran peruntukan kepada ADN Pembangkang adalah tidak mencukupi bagi membantu rakyat semasa pandemik.	YB Sungai Air Tawar
5.	- Peruntukan diperluaskan juga kepada ADN bebas untuk membantu rakyat.	YB Kuang
6.	- Terimaan hasil masih rendah hanya sebanyak RM77.62 juta sahaja.	YB Dusun Tua

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

C. PENGURUSAN EKONOMI/ KEWANGAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
7.	- Terimaan bukan hasil Kerajaan Pusat adalah tidak signifikan dan terlalu sedikit. - Purata hasil terimaan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri hanya sebanyak RM250 juta setahun. - Pemberian peruntukan MARRIS dijangkakan akan terjejas teruk. - Sukuk Kerajaan Pusat sehingga Mei 2021 menunjukkan cash flow dan surplus yang besar. - Kerajaan Persekutuan sepatutnya boleh memberikan lebih banyak geran kepada Kerajaan Negeri. - Kerajaan Negeri disarankan supaya mengadakan perbincangan bersama Kementerian Kewangan Malaysia segera untuk mendapatkan bantuan pemberian geran persekutuan.	YB Subang (MP)
8.	- Penggunaan rizab Kerajaan Negeri semasa <i>rainy day</i> supaya dapat meneruskan kelangsungan dan pemulihan ekonomi.	YB Shah Alam (MP)
9.	- Mohon tambahan peruntukan MARRIS untuk setiap PBT.	YB Seri Setia
10.	- Inisiatif pengurangan cukai kepada pihak yang membantu Kerajaan Negeri dalam membendung penularan wabak COVID-19.	YB Bandar Utama
11.	- Perluasan penggunaan peruntukan ADN bagi membantu rakyat ketika menghadapi wabak COVID-19 dan PKP.	YB Kota Damansara
12.	- Pendapatan Kerajaan Negeri akan berkurangan. Dicadangkan Kerajaan Negeri untuk menggunakan rizab dan jika perlu buat pinjaman dari Kerajaan Persekutuan.	YB Sungai Buloh (MP)
13.	- Peruntukan untuk projek kecil dikurangkan daripada 20% kepada 10% supaya dapat diperuntukkan untuk pandemic COVID-19.	YB Pandamaran
14.	- Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri masih kukuh dan diharapkan supaya belanja pembangunan dan hasil dapat dibelanjakan bagi perkara-perkara penting dalam tempoh pandemik.	YB Morib

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

C. PENGURUSAN EKONOMI/ KEWANGAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
15.	- World Bank telah menunjukkan penurunan GDP Malaysia maka Negeri Selangor turut akan terkesan untuk tahun 2022. - Bajet yang dirangka perlu mengambil kira keseimbangan hasil yang akan diterima dan perbelanjaan.	YB Kuala Langat (MP)
16.	- Batalkan 30% peruntukan ADUN untuk projek pembangunan supaya ADUN boleh gunakan untuk beli baja organik untuk rakyat bercucuk tanam dan pembelian tablet utk pelajar.	YB Kuala Kubu Bharu
17.	- Wujud <i>task force</i> khas untuk pemulihan ekonomi di Negeri Selangor.	YB Sungai Burong
18.	- Menggalakkan perusahaan dan industri di Selayang- membuat kajian bagi menurunkan kadar cukai tanah dan cukai pintu bagi menggalakkan pelabur dan syarikat datang ke Selayang membuat perusahaan dan perindustrian.	YB Selayang (MP)
19.	- Program Digital Frontliner- usaha ini adalah bagi memberikan peluang pekerjaan kepada anak muda sebagai tenaga pengajar yang membantu SME Digitalization di Negeri Selangor. Anak muda yang terlibat turut dijadikan sebagai sukarelawan atau jentera Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kadar pendaftaran vaksin COVID 19 kepada mereka yang tidak arif berkenaan teknologi.	YB Bangi (MP)

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
1.	- Pemerkasaan digitalisasi urusan kerajaan perlu diperkukuhkan. - Projek-projek infrastruktur di bawah PBT dan Kerajaan Negeri perlu diberi pelepasan untuk berjalan, kelonggaran demi kesejahteraan rakyat.	YB Banting
2.	- Projek air loji rawatan di Horras perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri agar projek tersebut berjalan dengan lancar bagi menyelesaikan masalah ketiadaan air sekiranya terdapat pencemaran air di loji-loji yang lain.	YB Bukit Lanjan
3.	- Menyelesaikan masalah capaian internet jalur lebar di kawasan-kawasan pedalaman khususnya memandangkan masih terdapat Kawasan-kawasan berkaitan yang tidak mendapat capaian internet yang baik.	YB Pelabuhan Klang
4.	- Penangguhan projek-projek pembangunan yang berskala besar dan dianjakkan ke tahun 2022 supaya Kerajaan Negeri memberi fokus sepenuhnya kepada masalah rakyat sepanjang tempoh PKP. - Projek-projek kecil yang berimpak tinggi boleh diberi keutamaan terlebih dahulu memandangkan tempoh pelaksanaanya boleh dilaksanakan dengan cepat. - Peruntukan JKR- memantau semula projek menaiktaraf Lorong Melati Kuang ke Sg Buloh kerana terdapat kecacatan fizikal projek tersebut. - Peruntukan PBT - Kerja pembersihan sampah dikembalikan semula kepada PBT kerana KDEB Waste gagal membersihkan kawasan taman dan kawasan komersial yang lain dengan sempurna. Pemantauan kutipan sampah adalah lemah dan tidak mengikut jadual.	YB Kuang
5.	- Mewujudkan <i>e-digital platform</i> bagi rakyat yang terkesan dan hilang punca pendapatan.	YB Sijangkang

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
6.	- Kerajaan Negeri harus memberi perhatian terhadap projek pembekalan air bersih seperti projek Horras, Loji SSP 1, 2, 3 dan Loji Semenyih berjalan mengikut jadual yang ditetapkan bagi memastikan berhenti tugas loji air tidak berlaku sepanjang PKP dikuatkuasakan. - Memperluaskan lagi rangkaian jalur lebar di pangsapuri-pangsapuri kos rendah memandangkan pelajar-pelajar B40 bergantung kepada penggunaan Wifi Smart Selangor ketika sesi PDPR berjalan.	YB Subang Jaya
7.	- Kerajaan Negeri perlu melihat projek-projek swasta yang boleh <i>stimulate income</i> dan projek-projek yang melibatkan infrastruktur air perlu mengikut jadual yang telah dirancang. - Melaksanakan projek <i>green energy, solar, bio mass dan bio gas</i> oleh Kerajaan Negeri kerana projek-projek ini mendatangkan manfaat kepada rakyat. - Pihak JPS, JKR dan ADN perlu membuat keputusan bagi menangani masalah setempat dengan memberi prioriti kepada perkara-perkara yang mendesak.	YB Bukit Gasing
8.	- Mencadangkan satu sesi libat urus dengan pihak pemain industri yang berkenaan bersama PBT bagi mendapatkan input berkaitan projek pembangunan untuk meminimumkan kesan negatif pandemik COVID-19.	YB Shah Alam (MP)
9.	- Isu penyelenggaraan jalan yang bertindih masih berlaku dan memberi kepada penduduk yang melibatkan pelbagai agensi seperti JKR, JPS dan PBT. - Mewujudkan dan memperbayakkan kawasan gerai-gerai terancang untuk membantu penaja kecil. - Mempergiatkan lagi bantuan pemasangan CCTV.	YB Seri Setia

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
10.	- Isu pertindihan jalan JKR dan MBSA perlu penyelarasan yang berkesan.	YB Kota Anggerik
11.	- Persiaran Atmosfera, masih terdapat Kawasan jalan yang tidak dibaiki dengan sempurna. - Mencadangkan Wifi Smart Selangor kepada Kawasan yang padat penduduk seperti Pangsapuri Mentari, U5.	YB Kota Damansara
12.	- Kerajaan Negeri dicadangkan agar membina asrama untuk pekerja asing yang lengkap dan mematuhi SOP yang ditetapkan untuk mengelakkan penyebaran wabak COVID-19.	YB Klang (MP)
13.	- Projek Sungai Rasau amat penting untuk penduduk Daerah Klang yang sering mengalami gangguan bekalan air.	YB Pandamaran
14.	- Pihak JPS perlu melihat masalah di Kampung Sungai Serdang yang hampir roboh jika tidak ditangani dengan kadar segera.	YB Sementa
15.	- Projek tebatan banjir di Meru perlu diberikan peruntukan bagi penyelenggaraan yang berterusan oleh pihak JPS. - Penggunaan peruntukan MARRIS bagi penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan yang kritikal yang perlu dibaiki dengan kadar segera bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya tersebut.	YB Meru
16.	- <i>Global Trade Industry</i> telah dimulakan di Kuala Langat di tanah-tanah Kerajaan Negeri dan dipohon pihak UPEN untuk mengkaji <i>Private Public Partnership</i> yang bernilai tinggi dalam masa yang sama dapat menjana peluang pekerjaan kepada rakyat Selangor khususnya. - Kerajaan Negeri perlu melihat semula projek bekalan air yang bernilai tinggi seperti Projek Sungai Rasau dan Horras untuk membina kemudahan rawatan bekalan air bersih dalam tempoh pandemik COVID-19.	YB Kuala Langat (MP)

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
17.	- PDT dan PBT perlu menyiapkan/ menyediakan pre com plan bagi kemudahan awam asas supaya perkara ini dapat dilaksanakan segera selepas tempoh pandemik. - Masalah sisa pepejal domestik semakin meningkat. - Isu Labuhan Dagang melibatkan aduan kerja-kerja jalan berlubang. - Perancangan kerajaan bagi menjadikan Istana Bandar dan Kapal Korek Sri Banting sebagai tempat pelancongan selepas pandemik berakhir. - Isu banjir kilat di Pandamaran melibatkan rancangan tebatan banjir oleh JPS dan JKR. - Projek lampu isyarat di Jalan Klang – Banting perlu di atasi oleh Kerajaan Negeri. - Naik taraf jalan alternative ke Klang dan jalan <i>Interchange</i> di Gamuda Cove. - Perancangan infra berkaitan Sungai Langat. - Status pelaksanaan West Coast Expressway (WCE) dari Kuala Langat dan Dengkil. - Peruntukan pembangunan perlu diberi fokus kepada projek penyelenggaraan untuk tambah baik capaian wifi di luar bandar.	YB Sijangkang
18.	- Program untuk generasi muda dan sukan diteruskan melalui program naik taraf infra sukan, infra terbaik dan selamat, kaedah mencungkil bakat anak muda sebagai pelapis pemimpin dengan mengadakan sesi debat melalui Persatuan Belia Selangor (PBS).	YB Bukit Melawati
19.	- Wifi <i>hotspot</i> perlu untuk luar bandar supaya boleh work from home dan pelajar boleh belajar <i>online</i> atau PDPR.	YB Kuala Kubu Bharu

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
20.	- Menyemak semula penyelenggaraan lampu di sekitar Tanjung Karang yang rosak. - Menyemak semula pembangunan di dataran /dewan tanjung karang yang tertangguh untuk disegerakan pembangunan. - Kawasan tepi pantai kelulusan perlu diberikan bagi tujuan pemberian warta di bawah seliaan Jabatan Hutan untuk dijadikan kawasan rekreasi. - Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk pembaikan jalan bagi kawasan sawah padi selepas habis musim padi.	YB Tanjong Karang (MP)
21.	- cadangan menaik taraf baikpuluh luar bandar dari tanah merah kepada <i>crusher ran</i> menggunakan peruntukan MARRIS. - Menaiktaraf jaringan jalur lebar di kawasan kampung atau luar bandar.	YB Permatang
22.	- Projek pembangunan Batu 30 – dapatkan berhubung peruntukan bandar dan luar bandar. Projek kurang penting ditangguhkan.	YB Batang Kali
23.	- Menambah baik jalur lebar internet di kawasan Sg Burong.	YB Sungai Burong
	- Isu infrastruktur jalan raya di kawasan Hulu Selangor bagi mempertimbangkan naik taraf jalan raya seperti di FT 01 meliputi Persimpangan Kg Buaya, Bukit Cho ke Bukit Beruntung. - Aduan rakyat berkaitan jalur lebar internet sedangkan permohonan meningkat. Terdapat rungutan dari Pengusaha kilang dan syarikat dan cadangan menaik taraf talian komunikasi di kawasan Hulu Selangor dan mengadakan sesi libat urus dengan Telco atau service provider terlibat berkaitan talian telekomunikasi.	YB Hulu Selangor (MP)

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
24.	- Menaiktaraf infrastruktur seperti di Jalan Bukit Hijau yang runtuh dan kerosakan jalan dari Ijok ke Bestari Jaya yang rosak terutama di musim hujan. - Penyelenggaraan infra seperti lampu jalan dan penambahan lampu jalan di Simpang Tiga Jeram, Bukit kerayong dan Bukit Kuching.	YB Kuala Selangor (MP)
25.	- Mohon menambah peruntukan bagi membaiki rumah rakyat miskin. - Memberhentikan sementara belanja pembangunan yang tidak kritikal dan baki peruntukan tersebut untuk memberi bantuan kewangan kepada golongan yang kehilangan pekerjaan dan terjejas sumber pendapatan.	YB Sabak
26.	- Tambah baik sistem Wifi di Negeri Selangor kerana walaupun disediakan tetapi tidak dapat digunakan. - Menambahbaik sistem pengairan dan perparitan bagi mengelakkan banjir.	YB Sungai Panjang
27.	- Menambah baik mutu wifi yang kurang memuaskan di kawasan Sungai Air Tawar. - Mohon penyelenggaraan sistem perparitan secara berkala dengan sempurna bagi mengatasi masalah banjir.	YB Sungai Air Tawar
28.	- Mohon Kerajaan Negeri membantu menyelesaikan isu banjir yang berulang di Kampung Sungai Selisih Hulu Bernam. - Mohon kemudahan Wifi Smart Selangor bagi kawasan yang tidak mempunyai kemudahan tersebut.	YB Hulu Bernam
29.	- Jalur lebar perlu dipertingkatkan (Wifi Percuma) - Banjir- perlu diuruskan oleh Kerajaan terutama dalam musim tengkujuh dan menyebabkan kerosakan kepada rumah penduduk. Tebing Sg Langat Kg Teras Jernang runtuh melibatkan kerosakan utiliti yang menyebabkan pertikaian siapa yang perlu bertanggungjawab.	YB Sungai Ramal

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
30.	- Isu banjir – Peruntukan bagi perkara ini diberikan tetapi masalah banjir kilat di Sg Langat masih tertangguh. Penyelesaian isu ini telah disediakan dengan anggaran RM500 juta tetapi isu peruntukan perlu disegerakan. Walau pun JPS Hulu Langat telah memperuntukkan RM500 ribu tetapi ianya merupakan penyelesaian jangka pendek. Masalah banjir kilat di kawasan lain yang berhubung dengan saliran Sg Langat perlu juga diteliti semula.	YB Kajang
31.	- Pembangunan Media Rakyat -Informasi mengenai perkara ini tidak di capai terutamanya mengenai penularan Covid-19. -	YB Balakong
32.	- Banjir – Projek mendalamkan Sg Langat perlu dipercepatkan untuk mengelakkan banjir apabila musim tengkujuh. - Tebatan Banjir - Jumlah peruntukan bagi perkara ini hanya untuk pelantikan perunding tetapi tidak dibajetkan untuk projek fizikal. Peruntukan bagi projek fizikal diperlukan untuk tahun hadapan. - Lampu jalan dan perparitan di jalan negeri – Penyelenggaraan bagi lampu jalan dan perparitan perlu dilihat dengan teliti. Contoh parit di Jalan Sg Tekali yang tidak diselenggara. - Bas Smart Selangor - Peruntukan perkara ini dimaklumkan di kecilkan, tetapi perkara ini perlu diteliti semula dengan melihat laluan yang perlu contohnya di rural area dan yang sukar di akses.	YB Dusun Tua
33.	- Mencadangkan pewujudan satu laman web sebagai pusat informasi bagi semua program Kerajaan Negeri –informasi one stop centre untuk rakyat mengakses maklumat untuk membuat permohonan dan mendapatkan bantuan dengan mudah.	YB Rawang

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
34.	- Memohon Dewan Orang Ramai untuk Kawasan Taman Templer. - Banjir – Pelebaran Sg Udang masih belum dijalankan dan perlu dilaksanakan segera.	YB Taman Templer
35.	- Menambah baik Capaian Internet di kawasan Penempatan orang asli.	YB Semenyih
36.	- Bantuan memperbaiki bumbung dan kemudahan bagi peniaga kecil – kecilan.	YB Pandan (MP)

E. PENGURUSAN KELANGSUNGAN PROGRAM PEMBELAJARAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
1.	- Mencadangkan pemberian tablet/ laptop kepada pelajar miskin bagi pembelajaran PDPR - Mencadangkan pewujudan program TV Pendidikan Selangor.	YB Sungai Air Tawar

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

E. PENGURUSAN KELANGSUNGAN PROGRAM PEMBELAJARAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
2.	- Portal pembelajaran secara PDPR di rumah masih tidak jelas dan perlu ditambah baik portal tersebut.	YB Morib
3.	- Pelajar-pelajar darjah 1 sehingga darjah 3 tidak dapat ke sekolah dalam tempoh pandemik dan menyebabkan ramai yang tercicir dan tidak dapat membaca dengan baik.	YB Meru
4.	- Bantuan-bantuan kepada pihak sekolah perlu dipercepatkan terutamanya dari segi peralatan bagi pembelajaran di rumah untuk golongan yang memerlukan.	YB Banting
5.	- Pendidikan kemahiran teknikal – TVET untuk bantu belia/anak muda bagi membantu tahap kebolehpasaran pelajar India khususnya program IKTISAS yang perlu dikaji dan tambah baik atau diteruskan modul-modul sedia ada. Contohnya media kreatif, teknologi maklumat.	YB Bukit Melawati
6.	- Perancangan untuk anak-anak muda yang sedang belajar untuk menghadapi situasi pandemik masa kini.	YB Ijok
7.	- Industri ekonomi dengan merancang program kemahiran dalam bidang TVET dengan wujudkan kerjasama semua industri seperti sektor automatif dan sektor aeroangkasa bagi mewujudkan peluang pekerjaan di luar bandar.	YB Hulu Selangor (MP)
8.	- Pendidikan TVET kepada anak2 muda, penganguran dapat ditangani dgn lebih baik, skim yang lebih baik, khusus di luar bandar, lebih libatkan dalam kreatif dan ketrampilan.	YB Kuala Selangor (MP)
9.	- Bantuan pemberian gajet untuk pembelajaran di rumah	YB Sungai Ramal

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

E. PENGURUSAN KELANGSUNGAN PROGRAM PEMBELAJARAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
10.	- Program pemberian laptop – kerjasama dengan syarikat swasta (Green IT Tech) untuk membekalkan refurbish laptop kepada golongan B40 kerana menerima permohonan yang banyak. Mencadangkan supaya syarikat yang mengikuti program ini akan diberikan insentif diskaun cukai tanah atau cukai pintu. Pemberian laptop ini adalah bukan secara percuma tapi bayaran RM10 sewa bulanan sebagai cara menghargai laptop tersebut melalui agensi/jabatan seperti SUK, PBT dan Anak Syarikat.	YB Bangi (MP)

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

F. MENINGKATKAN KEUPAYAAN PETANI DAN NELAYAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
1.	- Mohon naiktaraf harga padi daripada 1,520 hektar kepada 1,350 hektar. - Inisiatif RM50 perlu diberikan kepada Kerajaan Negeri. - Kawal harga input pertanian baja. - Tingkatkan kualiti benih hantar pada masa sesuai agar tiada pembaziran iaitu penghantaran pada masa hendak digunakan. - Racun serangan disalurkan kepada pesawah mengikut kesesuaian semasa.	YB Permatang
2.	- Masalah serangan serangga perosak batang tanaman padi. Mohon mewujudkan peruntukan khas untuk menangani masalah ini. Mohon PKPS ambil industri padi Negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah berkenaan tanaman padi di Negeri Selangor.	YB Sabak
3.	- Masalah serangan serangga perosak batang tanaman padi. Mohon peruntukan khas untuk menangani masalah ini. Juga menambahbaik sistem pengairan dan perparitan bagi mengelakkan banjir serta menambah peruntukan untuk penyelenggaraan palung yang rosak.	YB Sungai Panjang
4.	- Pertanian dalam bandar (Urban Farming) –menggunakan teknologi terkini tanaman dalam bandar sebagai pendapatan kepada warga Selangor.	YB Lembah Jaya
5.	- Pusat penyembelihan ayam di Selayang – Cadangan penukaran tanah dengan DBKL dan menggunakan tanah sedia ada sebagai pasar moden seperti yang ada di Negara Jepun. - Pertukaran kawasan pertanian kepada kediaman – mengadakan satu kawasan yang khusus bagi pertanian bagi jaminan bekalan makanan di negeri Selangor	YB Selayang (MP)
6.	- Isu lembu secara lepas bebas yang mengakibatkan gangguan bau dan merosakkan tanaman penduduk- dimohon JPV untuk mengambil tindakan sewajarnya.	YB Hulu Langat (MP)

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

F. MENINGKATKAN KEUPAYAAN PETANI DAN NELAYAN		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
7.	- Food Synergy- menggalakkan urban farming di kalangan komuniti yang boleh membekalkan sumber makanan sihat dan membuat program atas talian bagi berkongsi ilmu urban farming dan promosi.	YB Pandan (MP)

G. PENGURUSAN ALAM SEKITAR		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
1.	- Kerajaan Negeri perlu memastikan <i>low hanging fruits</i>. - JPNS perlu menjalankan projek pemeliharaan dan pemuliharaan hutan simpan dan perhilitan baru.	YB Bukit Lanjan
2.	- Mewujudkan Pusat Perubahan Iklim Selangor yang memfokuskan sistem tersebut.	YB Bukit Gasing
3.	- SSDU telah menerbitkan satu program iaitu Air Quality Index Monitoring. Ini adalah penting untuk memantau pembakaran secara haram.	YB Banting
4.	- EXCO Alam Sekitar perlu bincang dengan JAS supaya wujud JAS Hulu Selangor. Sekarang Hulu Selangor bergantung kepada JAS Gombak. Banyak aduan mengenai bau busuk daripada kilang haram/separuh haram.	YB Kuala Kubu Bharu
5.	- Projek Selangor Smart Agro Park. Mohon status tapak projek tersebut yang telah dihenti tugas. Kerajaan Negeri dan PKPS sepatutnya mengkaji dahulu dari segi kesan alam sekitar sebelum melaksanakan projek tersebut.	YB Sungai Panjang

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

G. PENGURUSAN ALAM SEKITAR		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
6.	- Projek low carbon city dengan mencadangkan pemasangan alat tenaga solar di PBT, bangunan Kerajaan, masjid dan surau.	YB Seri Setia
7.	- Insentif menggalakkan penggunaan teknologi jimat tenaga - Kerajaan Negeri memberikan insentif kepada peniaga dan pekilang yang menaiktaraf peralatan jimat tenaga.	YB Bangi (MP)
8.	- Memanfaat sisa pepejal melalui program recycle dan baja compose sisa bagi mengelakkan timbunan sampah sarap yang menyebabkan banjir kilat.	YB Pandan

H. PENGURUSAN PEMBAYARAN CUKAI		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
1.	- Pertimbangan perlepasan membayar cukai taksiran dan cukai tanah dan kelonggaran bayaran secara ansuran.	YB Banting
2.	- Pengecualian daripada fl Lesen PBT kepada usahawan IKS/ peniaga kecil.	YB Sungai Air Tawar
3.	- Kadar sewa yang tinggi di Selangor menyebabkan ramai penduduk yang hilang pendapatan tidak dapat membayar sewa.	YB Kuang
4.	- Hasil utama Kerajaan Negeri adalah daripada cukai tanah, status jumlah pembayar cukai secara online.	YB Sijangkang

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

H. PENGURUSAN PEMBAYARAN CUKAI		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
5.	- Kaedah pengiraan kadar cukai tanah perlu dikaji semula kerana kadarnya tidak seimbang di sesetengah kawasan / negeri lain.	YB Subang Jaya
6.	- Moratorium – menilai untuk diberi untuk cukai pintu tafsiran.	YB Tanjong Karang (MP)

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

I. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
1.	- Bantuan makanan atau kupon pembelian barang keperluan, penangguhan bayaran atau bayaran secara ansuran cukai rumah, cukai tanah, sewa kedai dan premis.	YB Hulu Kelang
2.	- Peruntukan pelancongan digunakan untuk program membasmi COVID-19. - Pelaksanaan bantuan pra sekolah yang tidak efektif. - Peluasan pemberian bakul makanan.	YB Banting
3.	- Bantuan beras kepada rakyat hanya bantu sebuah keluarga dalam masa singkat, keluarga besar memerlukan bantuan tunai, subsidi tunai lebih penting kepada rakyat maka rizab Kerajaan Negeri perlu digunakan bagi membantu rakyat ketika pandemik. - Program bakul makanan sangat diperlukan. Walau bagaimanapun, sebagai <i>long term plan</i> atau pelan jangka Panjang, Kerajaan Negeri perlu mencipta peluang pekerjaan penajaan kerja kepada rakyat yang hilang pekerjaan atau tiada pekerjaan.	YB Bukit Lanjan
4.	- JMB pangsapuri kos rendah tidak mempunyai keupayaan kewangan kerana penghuni tidak mampu membayar yuran. Kesannya, JMB tidak dapat menguruskan fasiliti dan membayar utiliti dan kos penyelenggaraan seperti bil elektrik, air dan kos pembersihan.	YB Pelabuhan Klang
5.	- Mencadangkan satu platform belajar berniaga secara on-line seperti Shopee dan Lazada. - Kerajaan Negeri perlu menyediakan pampasan kepada rakyat yang mengalami komplikasi selepas mendapat vaksin. - Pemberian bantuan kepada peniaga kecil dan yang terjejas akibat kehilangan pekerjaan bagi membantu meringankan beban mereka.	YB Sungai Air Tawar

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

I. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
6.	- Bakul makanan diperluaskan. RM150 ribu adalah tidak mencukupi. Jumlah ini perlu dipertingkatkan kerana masih ramai yang kritikal dan tidak mempunyai apa-apa sumber pendapatan yang lain.	YB Kuang
7.	- Keberlangsungan sumber pendapatan. Kerajaan Negeri perlu memberikan bantuan dengan sistem sedia ada seperti HIJRAH, TWB, Selangor Kerjaya dipergiatkan program kepada dua ke tiga kali ganda.	YB Subang Jaya
8.	- Bantuan bakul makanan dan pemberian tablet-tablet diperluaskan kepada para pelajar yang memerlukan. - Usahawan dan para petani perlu diberi <i>safety net</i> melalui PKPS. PKPS boleh melihat semula berkaitan harga minimum atau harga lantai untuk jualan supaya dapat bersaing di pasaran. - Mewujudkan kelas penggunaan <i>smart phone</i> .	YB Taman Medan
9.	- Terdapat pelepasan atau kelonggaran yang diberikan tidak dinikmati oleh <i>end user</i> contohnya seperti penyewa. - Mengurangkan kos sewaan kios/ gerai atau secara percuma ketika PKP. - Memberikan bantuan kepada pemandu bas sekolah dan pengusaha kantin.	YB Shah Alam (MP)
10.	- Mewujudkan lebih banyak pekerjaan dalam sektor <i>hospice care</i> dan pusat penjagaan warga emas diperbanyakkan. - Pengusaha sukan dan gym amat terkesan tidak menyediakan apa-apa bantuan.	YB Kampung Tunku
11.	- Bantuan subsidi untuk PDPR	YB Kota Anggerik

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

I. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
12.	- Mewujudkan <i>platform</i> atas talian untuk majikan/ syarikat mencari pekerja dan informasi jawatan kosong.	YB Bandar Utama
13.	- Mewujudkan <i>platform</i> aduan pekerja untuk membantu pekerja yang dianiaya oleh majikan. - Bantuan tablet kepada anak-anak sekolah.	YB Kota Damansara
14.	- Bantuan sokongan kepada golongan B40 dan M40 dengan memberikan pelepasan sewa dan bantuan kepada IKS. - Bantuan kepada ibu tunggal seperti contoh penyediaan bantuan mencari pekerjaan yang sesuai/ skills matching.	YB Petaling Jaya (MP)
15.	- Memberi 50% potongan sewa kepada peniaga-peniaga kecil yang menyewa bangunan milik Kerajaan Negeri.	YB Klang (MP)
16.	- Bantuan kepada penaja kecil - Penyediaan kemudahan pengangkutan (Bas Smart Selangor) ke pusat vaksin.	YB Pandamaran
17.	- Kemudahan pemandu untuk kakitangan STANCO yang bertugas di PPV. - Bantuan RM1,000 kepada waris mangsa COVID-19. - Moratorium usahawan HIJRAH perlu diteruskan segera oleh HIJRAH. - Penaja kecil tidak mempunyai SSM untuk berniaga. Mereka tidak layak untuk menerima bantuan. Kerajaan Negeri dipohon untuk mempertimbangkan perkara ini.	YB Morib

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

I. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
18.	- Memobilisasi peserta vaksin ke pusat vaksin. - Bantuan <i>One Off</i> kepada pengusaha dan guru taska. - Bantuan RM500 dipanjangkan kepada orang kurang upaya yang berumur 18 tahun ke bawah. - Moratorium kepada penyewa di rumah-rumah peserta Skim Smart Sewa.	YB Sementa
19.	- Menyediakan peruntukan khas untuk mewujudkan pusat aduan dengan menggunakan khidmat agamawan bagi membantu rakyat yang terkesan dari segi moral dan mental. - Menyediakan dana khas untuk perkara luar jangka bagi membantu rakyat yang ditimpa musibah luar jangka seperti ribut atau banjir.	YB Meru
20.	- Penyediaan suntikan dana yang mencukupi untuk membantu peniaga-peniaga yang terjejas.	YB Kuala Langat (MP)
21.	- Bantuan kepada sekolah-sekolah perlu dipercepatkan terutama peralatan bagi pembelajaran di rumah untuk golongan B40 khususnya. - Penyediaan kemudahan PPV dengan menggunakan khidmat Bas Smart Selangor di Kawasan-kawasan perumahan (luar bandar).	YB Banting
22.	- Membantu peniaga-peniaga pasar malam dengan memperkasakan pasar melalui atas talian contohnya SELDEC.	YB Sijangkang
23.	- Bantuan kepada rakyat yang susah dan terjejas dengan menambah RM50K (bakul makanan) setiap DUN untuk B40 yang terkesan. - Cadangan petani diberikan insentif oleh Kerajaan Negeri sebanyak <i>one-off</i> RM500 bagi membantu petani hasilnya yang terjejas.	YB Sekinchan

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

I. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
24.	- Bantuan bencana kepada petani, penternak dan nelayan dalam aspek pengurusan bencana. - Program KISS wajar diteruskan, mohon penelitian semula SOP atau pun dasar program ini untuk ditambahbaik dan diperluas. - Mengkaji semula <i>blue print</i> bantuan Kerajaan Prihatin bagi membasmi kemiskinan kerana SOP sedia ada mengambil masa sehingga 7 ke 8 bulan dan jawatankuasa hanya bersidang 2 kali setahun. - Sewaan kedai boleh diberi pengecualian kepada peniaga. - Bantuan kepada sektor pelancongan.	YB Bukit Melawati
25.	- Perusahaan Kecil yang terjejas merangkumi B40 dan M40. - Perancangan masa panjang bagi membantu orang yang hilang pekerjaan. - Bantuan makanan adalah dalam jangka pendek.	YB Ijok
26.	- Moratorium – menilai untuk diberi untuk cukai pintu tafsiran. - Peluang pekerjaan di Selangor – Kerajaan Negeri menyediakan mana-mana skim yang membantu rakyat yang telah diberhentikan kerja akibat Covid-19.	YB Tanjong Karang (MP)
27.	- Dana Usahawan Mikro Selangor. - Bantuan kepada petani.	YB Permatang
28.	- Cadangan moratorium dan pinjaman tanpa faedah. - Tubuhkan tabung khas petani untuk selaraskan masalah petani.	YB Sungai Burong
29.	- Mohon bantuan pinjaman atau moratorium diberikan kepada peniaga untuk memulakan perniagaan. - Bantuan <i>one off</i> kepada nelayan.	YB Kuala Selangor (MP)

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

I. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
30.	- Moratorium secara automatik kepada peminjam HIJRAH supaya peminjam tak perlu membuat permohonan. - Memohon PBT beri kelonggaran penguatkuasaan kepada penjaja kecil untuk berniaga tanpa lesen dalam tempoh pandemik.	YB Sungai Panjang
31.	- Mengurangkan kos sewaan kios/ gerai atau diberikan pengecualian sewa ketika PKP. - Memberikan bantuan kepada pemandu bas sekolah dan pengusaha kantin.	YB Seri Setia
32.	- Pemberian bantuan <i>one off</i> kepada pengusaha/ pemandu bas sekolah sebanyak RM500	YB Dengkil
33.	- Bakul makanan – Bersetuju dengan kenaikan mengenai peruntukan sebanyak RM50 ribu bagi perkara ini. Pencarian untuk mengenalpasti rakyat yang memerlukan. Cadangan mewujudkan food bank facilities berbentuk kabin, pembekalan barang sanitasi, oximeter mesin dan sebagainya. - Pemberian baucar membeli belah	YB Balakong
34.	- Jom shooping (baucar) – melibatkan kerjasama dengan kedai runcit dan SME supaya manfaat kepada kedai runcit ini. - Subsidi RM20 untuk Rebat Pengangkutan.- mohon Bas Smart Selangor digunakan untuk menghantar individu yang perlu ke PPV kerana subsidi grab RM20 tidak digunakan di kawasan sukar mendapatkan perkhidmatan e-hailing - Mewujudkan program konsultansi berkaitan masalah kewangan – Kerajaan Negeri menyediakan financial kaunseling untuk sokongan rakyat - Masalah kewangan JMB/MC Pangsapuri Rumah Kos Rendah – Pada masa ini menghadapi masalah kutipan daripada penduduk. Mohon kelonggaran menggunakan peruntukan SKIM Ceria untuk mengatasi masalah kewangan JMB/MC.	YB Rawang

RUMUSAN SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 MENGIKUT KLUSTER

I. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT		
BIL	ISU / PERKARA BERBANGKIT	PEMBAHAS
	- Food bank – Merujuk Pasar Borong secara sistematik bagi mempelbagaikan jenis makanan bagi tujuan sumbangan kepada rakyat.	
35.	- Bantuan barangan asas seperti simkad (Rakan Digital) → - Bantuan ini tidak diperincikan dengan jelas oleh Pejabat Daerah dan Tanah untuk bantuan kepada rakyat. -	YB Teratai
36.	- Bantuan kepada golongan penghantar makanan iaitu pemberian insurans perlindungan dan baucar minyak.	YB Semenyih
37.	- Bakul makanan – Peruntukan tambahan sebanyak RM50 ribu diberikan kepada setiap ADN. Mohon penjelasan mengenai kaedah penyaluran peruntukan ini.	YB Lembah Jaya